

ORANG ISLAM YANG TERKEMUKA

IQBĀL DAN SENI SASTERANYA

(III)

Dalam rencananya yang menjadi penutup ini, al-adib “Johari Ahmad” menulis : “kepada guru-guruku di tanah air-yang selalu kutemui wajahnya... atau yang belum berjumpa dan berkenal diri dekat tetapi mengenalnya dengan buku-bukunya yang ku baca, Za‘ba atau HAMKA, Nasir atau Anshari, serta siapa sahaja di antara kita, ingin benar mendapat sedikit penjelasan teguran dan nasihat... di dalam memperkenalkan, meperkembang adanya seni kesusasteraan Islam di tanah air yang tercinta ini...”

(oleh Johari Ahmad)

Jawabi Shīkwa

(Jawab kembali)

Di dalam syair-syair yang di bawah ini apabila telah bertanya kepada ummat muslim sendiri, apakah mereka telah bersedia dan sentiasa bersedia melalui jalan Tuhan mengambil cahaya suluhan keimanan, Tuhan telah menghamparkan tikar nikmat telah lama menunjukkan jalan kebahagiaan itu saying-seolah-seolah ummat Islam tidak dapat melihatnya :

Telah kami hamparkan tikar kurnia,
tapi siapakan yang telah datang bertanya?
telah kami rintangkan jalanraya keimanan,
tetapi siapakah yang telah berlempang melaluinya?



Pujangga Iqbal

Sungguh cahaya telah kami pancarkan
dari fitrah.

tapi – tak ada permata yang membalas
dengan cahaya dirinya!

seakan-akan sejempit tanah ini tidak
terjadi.

dari tanah “insaniah” yang pertama
ditimpa.....

Ternyata kesedaran Iqbāl akan

jalan pertunjuk Tuhan itu, ternyata

benar ia memperkasa kembali diri dan

jiwa ummat Islam itu, Tuhan tidaklah ada salahnya, Tuhan telah menghamparkan tikar kurnia, telah menunjukkan jalan, telah memberi cahaya suluhan keimanan, tetapi siapa daripada golongan mana ummat Muhammad ini mengambil cahaya kebenaran itu menjadi pelita?.

Bertanya Iqbāl:

Benarlah kamu telah bersabda di zaman baru,
Menjadi ‘abid “Allah” dan tentera Muhammad.
Dan jadi permata berlian menyinar cahaya,
dari agama ini ??

tegas pernyataan Iqbāl kepada kaum muslimin, apakah mereka telah benar-benar melalui jalan-jalan itu pergi kemudian jihad, sana menjadi tentera dan ansar Muhammad, dan menjadi rangkaian mutiara dari kesucian agama ini?

Tetapi saudaraku, selepas Iqbāl bertanya itu ia sendiri memberi jawapan, jawapannya tepat, tetapi menyindir “dalam” bagi kalbu kaum muslimin-tegas dikenakannya bagaimana persediaan itu akan “ada” sedang kaum muslimin masih lagi berdakap tangan, masih lagi ditelan khurafat udara kekalutan, musafir lain lalu pergi membawa dagangannya, kabilah lain lalu berjalan, berlari membwa hidup , tetapi kita kaum muslimin masih hendak tidur lena berkatalah Iqbāl:

Mana boleh pelupuk matamu telah berat.
Buat menyambut cahaya subh dengan takbir solat

Mu dan rintihan hidupmu.

Sekan-akan perangaimu telah turut tidur dengan pelupukmu,
Apakah bezanya terang siang dengan gelap malam,
Bagi orang yang tidur mendengkur di tengah hari?
Bukankah Ramadhan telah dirasakan sebagai mengikat kemerdekaanmu ?

dan memutar balik kebudayaanmu?

Wahai umat bercakaplah terus terang, inilah namanya setia?

Kepada sejarahmu yang lampau dan kepada agamamu?
“Wujudnya suatu kaum adalah kerana agamamunya ”.

“Agama pada satu umat – adalah tulang punggung tempat dia berdaulat ”.

“Agamalah yang telah menyusunmu menjadi satu barisan”.

Kalau tak ada sandar menyandar di antara bintang dengan bintang.
Tidaklah terbentang susunan indah di langit,
maka bulan pun tidaklah akan sanggup memancarkan keindahan sinar.

Namun dalam pada itu Iqbāl menyedari juga akan golongan kaum bangsawan Islam. Mereka hanya kaya tetapi bakhil dengan kekayaan, kalau ada fardhu kifayah ummat Islam yang hendak dilaksanakan , jangan diharap tenaga si kaya, kalau ada amal soleh yang hendak dibangun jangan diminta peluh golongan ini, mereka tenggelam dalam harta, mereka lupakan Tuhan, golongan si miskinlah yang walau bagaimana pun kemiskinannya sanggup (mahu) juga berkesut-kesut di jalan Allah! Berkata Iqbāl :

Lihatlah masjid Allah,
Yang meramaikannya hanyalah orang miskin,
Mereka hanya yang puasa, mereka yang sembahyang,
Mereka yang ‘abid, mereka yang berzikir,
Mereka yang telah menutup “malumu” sekalian di hadapan dunia.

Adapun yang kaya, mabuk di dalam kelalaian,
Dan menolak “seruan”.

Adalah satu hal yang menghairankan,
Bahawa agama yang suci masih teguh binaanya,
Kerana nafas hangatnya orang yang fakir,
Si miskinlah yang menyalakan roh Islam-dialah

Bangun pagi memuja Tuhan :

“Kalau tidaklah roh Bilal (maksudnya sahabat Nabi yang bernama Bilal) yang masih tinggal di dalam”
“Azan itu sendiri pun telah kehilangan keindahan”.

Inilah dianya kelemahan-kelemahan kaum muslimin yang disyairkan oleh Iqbāl, dan secara terselit dapatlah difaham bagaimana caranya mengembalikan kekuatan itu, hidupkan kembali roh muslimin, satukan barisan mereka. Kenalkan padanya Islam itu sampai ke akar-akarnya bacaan al-Quran dengan dada terbuka

dan jiwa yang hidup. Ertikan falsafah pengajarannya
hidupkan api 'izah *al-nafs* jangan merasa lemah diri.
jangan merasa *da'ful irādah* di situ saudaraku – baharulah
kita akan naik kembali . Percayalah! dalam pada itu
sebagai seorang fakir, ahli falsafah, pemimpin ulung Iqbāl
tidaklah pernah melupakan tenaga pemuda. Sebenarnya pemuda muslimlah
yang sangat-sangat diharapkan Iqbāl. Di dalam syairnya “Harapanku
kepada pemuda” Jelas terbayang hasrat hati punjangga
ini terbentang pengharapan kepada pemuda dan sebenarnya api
Islam itu akan menyala di tangan pemuda-pemuda itu kembali
berkata Iqbāl:

Harapanku kepada pemuda
Aku harapkan pemuda inilah yang akan sanggup
membangun zaman baharu,
Memperbaharu kekuatan iman.
Menyalakan pelita hidayah.
Menyebarkan ajaran *khātimul anbiyā'*.
Mencacakkan di tengah medan pokok ajaran Ibrahim.
Api ini akan hidup kembali dan akan membakar.
Janganlah mengeluh jua, hai orang yang mengadu.
Janganlah putus asa, melihat lenggang kebunmu.
Cahaya pagi telah terhampar bersih.
Dan kembang-kembang telah menyebar harum narwastu.
Kumbang dan lebah telah mulai mendengung mendengar.
Darah syuhada' telah menggelegak di mulut kuntum.
Tak kah engkau lihat langit, alangkah jernih.
Tak kah engkau lihat ufuk – Burhan telah menyatakan diri.
Hari yang baharu telah pasti datang.
Dan syams akan datang sengan cahaya gemilang.
Khalifah al-Ard akan diserahkan kembali ketanganmu.
Bersedialah diri sekarang,
Tegaklah untuk menetapkan “engkau ada” .
Dengan Nur-Mulah “Nur tawhid” akan disempurnakan

Kembali.

Engkaulah minyak atar itu, meskipun masih tersimpan
di dalam kuntuman yang akan mekar.
Kipaskan sayapmu diseluruh ufuk,
Sinarilah zaman dengan nur imanmu.
Kirimkan cahaya dengan kuat yakinmu.
Patrikan segala nama “Muhammad”.
“Kalau kembang tak mekar di dalam kebun”.
Tidaklah unggas malam akan bernyanyi memanggil bulan.
Kalau lebah tidak merenggung,
Tidaklah kuntum akan tersenyum.
“ Kalau nama Muhammad tidak ada di alam”.
“tidaklah yang mewujudkan merasai hangat hidup”!!!

Di dalam sajak-sajak “insan dan alam” dan “pesan kepada
manusia” “*Qurṭubah*” dan lain-lain, ternyata perhubungan Iqbāl
Tuhan di dalam “Pesan kepada manusia” diajaklah
manusia ini memerhati alam dengan tenang, kerana disanalah akan
timbul makrifat keimanan, kerana keimanan itu bukanlah
akan hanya di dapat dengar mendengar daripada kitab semata-mata,
tetapi haruslah juga melalui mata hati yang bersih.
Kepada bangsa timur, Iqbāl mengingatkan akan keindahan yang
masih tersimpan. Ia mengingatkan juga bahawa Timur
janganlah mudah tertipu dengan saudaranya Barat,

“Janganlah pinta kurnia si tukang gelas Maghribi pintar.”
“Bikinlah (buatlah) piala dan gendimu dari tanah
lempungmu berpendar
Laguku penaga buah anggur di tangkai pohonnya.
Buatlah minuman merah mengalir dari kumpulannya.
Dan hidupku bagi fakir, tiada syahu menggayu.
“Janganlah jual peribadimu, seraya berpakaian
tukang minta-minta”

Iqbāl pun menyedari bahawa hidup ini sebenarnya
perjuangan, dalam perjuangan ada kalah menangnya, kadang-kadang kita
berjaya, kadang-kadang kita kalah dan kadang-kadang kita

(sambung pada muka 36)

(sambungan dari muka 8)

berputus asa, Iqbal mengajarkan ajaran Tuhan supaya janganlah manusia berputus asa, orang yang berputus asa kafir dengan Tuhan, bersajaklah Iqbal:

Bangunlah, dan hidupkan kembali setiap roh yang mati

bangkitlah dan percepat langkah berjiwa.

Tegaklah! Dan arahkan langkah di jalan lain.

Lemparkan ke simpang sendu mesra yang lama.

Kenalkan dirimu dengan nikmat bersenandung.


Wahai, Genta kafilah keanggungan bunyimu!!

Sebenarnya kalaulah tidak takut meleret-leret panjang inginlah saya petik beberapa lagi terjemahan saja “Iqbal”, dan walaupun bagaimanapun makalah saya ini belumlah begitu sempurna, apa lagi memuaskan, kepada saudara pembaca- teman-temanku di dalam dan di luar tanah air tunas-tunas muda sasterawan Islam khususnya – dan para pencinta seni kesusasteraan kebudayaan umumnya, saya harapkan benar supaya dapat meluaskan lagi

penyelidikan ke arah ini, tegasnya seni kesusasteraan Islam

itu, persembahkanlah kepada masyarakat!

Kepada guru-guruku di tanah air – siapa-siapa mana yang selalu ku temui wajahnya beberapa lama dahulu semasa belajar di al-Ahya’ Semanggol. Dan juga guru-guru lain di tanah air dan di luarnya yang belum berjumpa dan berkenal dari dekat tetapi mengenalnya dengan buku-bukunya yang ku baca, Za’ba, atau HAMKA, Nasir atau Anshari, serta siapa sahaja di antara kita ingin benar saya mendapat sedikit penjelasan teguran dan nasihat, asal sahaja segala-galanya itu ditujukan kepada perbaiki kita bersama, di dalam memperkenalkan, memperkembangkan adanya seni kesusasteraan Islam di tanah air yang tercinta ini, saya menekankan bahawa tulisan adalah semata-mata “pembuka jalan” kepada teman-teman lain yang lebih berkebolehan di samping saya jadikan pula tanda persembahan, dan derma bakti kepada seni kesusasteraan Islam. Sambil mengharap pula keredhaan yang sebaik-baiknya dari Allah.”



Tasik Kebun Raja di Bogor, Indonesia.